

Memori KORPORAT

UITM DALAM SEJARAH

SEJARAH FAKULTI – KAJIAN PERAKAUNAN

Pengajian Perakaunan telah dimulakan pada Julai 1956 seawal penubuhan Dewan Latehan RIDA di Jalan Othman, Petaling Jaya. Pada ketika itu, Dewan Latehan RIDA merupakan Institusi Kerajaan yang pertama mengendalikan kursus perakaunan dan mengeluarkan para akauntan di dalam negeri. Antara kursus pertama di bidang perakaunan yang ditawarkan adalah *London Chambers of Commerce and Industry* (LCCI) diikuti oleh *Australian Society Of Accountants* (ASA).

Pada April 1957, RIDA menganjurkan *Travelling Instructional Teams* bagi membantu dan mengajar peniaga di luar bandar untuk memahami kaedah perakaunan mudah untuk memajukan perniagaan mereka. Setiap kursus dijalankan selama 7 hari yang meliputi sistem silibus perakaunan yang mudah dan direka khas untuk peniaga kecil-kecilan. Seramai 71 orang telah mengikuti kelas pertama yang telah dijalankan di Gombak, Selangor dan daripada jumlah itu 38 orang yang terlibat adalah wanita.

RIDA juga telah menaja 8 orang pelajar di bawah Pelan Colombo untuk latihan dalam *Chartered Accountancy* di Australia dimana para pelajar terbabit akan mengikuti peperiksaan peringkat pertengahan pada Oktober 1957 dan akan diserap ke dalam bidang perdagangan atau industri sejurus selesai pengajian mereka. Mereka merupakan antara Melayu pertama yang mengamalkan Chartered Accountancy di dalam negara.

Untuk *London Chamber of Commerce Examination*, pelajar dilatih di dalam *bookkeeping*, kos, elemen perdagangan, Bahasa Inggeris dan menaip. Pada tahun 1956, sebelum Dewan di tubuhkan, RIDA telah menaja 23 orang pelajar untuk mengikuti latihan di Institusi Goon di Kuala Lumpur bagi menyiapkan mereka untuk peperiksaan peringkat pertengahan LCC dan 24 orang pelajar lagi telah terpilih untuk tahun yang sama.

Pada tahun 1970, Kajian Perakaunan telah berpindah ke tingkat 9 & 10 Bangunan Menara Ilmu (Menara SAAS) ITM Shah Alam dan kemudian berpindah ke bangunan baharu pada tahun 1984 di Bangunan Akademik 2. Ini seiring dengan peningkatan jumlah pelajar dan staf yang pesat serta pertambahan program akauntan yang ditawarkan. Pada tahun 2000, Fakulti Perakaunan telah berpindah ke Kampus Seksyen 17, Shah Alam dan pada tahun 2004 sehingga 2014 sekali lagi telah berpindah semula ke Bangunan Menara SAAS (Menara Ilmu) ditingkat 4, 7, 8, 10, 11, 12 dan 14. Kini, Fakulti Perakaunan telah ditempatkan di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.

Antara Ketua-Ketua/Dekan-Dekan Kajian/Fakulti Perakaunan yang telah memberi khidmat jasa adalah :

1. En. Megat Abdul Rahman Megat Ahmad Jul 1966 - 18 Jul 1969	2. En. Abdul Sofi Mohd Noor (Hj.) 19 Jul 1969 - 30 Sept 1971	3. En. Looi Kum Yaw 1 Okt 1971 - 31 Ogos 1972	4. En. Mansor Hj Ali (Hj.) 1 Sept 1972 - 31 Jul 1973	5. En. Joseph Edward Emmanuel 1 Ogos 1973 - 15 Mei 1975	6. En. Wong Sei Van 16 Mei 1975 - 30 Jun 1979	7. En. Abdullah Hj. Ghazali 1 Jul 1979 - 30 Sept 1982
8. Dr. Syed Noh Syed Ahmad 1 Okt 1982 – 31 Jul 1984	9. Dr. Ibrahim Kamal Abdul Rahman (Hj.) 1 Ogos 1984 - 31 Jul 1988	10. En. Mustapa Md Yassin 1 Ogos 1988 - 31 Jul 1992	11. Dr. Juhari Samidi 1 Ogos 1992 - 2001	12. Prof. Dr. Ibrahim Kamal Abdul Rahman 2001 - 2011	13. Prof. Dr. Rozainun Hj. Abdul Aziz, P.M.K 2011 - 2017	14. Prof. Dr. Faizah Darus 2017 - Kini

Sumber :

1. Buku *Shaping a Dream*
2. Buku *ITM Warisan Bangsa*
3. Buku *The MARA Institute of Technology: Yesterday, Today & Tomorrow*,
4. Buku *Documenting A Destiny*
5. Laman Web Fakulti Perakaunan, UiTM